

Penerbitan Rasmi Syarikat Perumahan Negara Berhad

SPNB 360°

Edisi 4 | Jan-Jun 2015

Untuk Edaran Dalam



Penyelenggaraan

Apa Yang Perlu Ditangani?

03	AMANAT PRESIDEN	18	TESTIMONI <i>Kediaman Idaman yang Efisien dan Berkualiti</i>
04	MINDA PENGARANG		
05	FOKUS <i>Lembaga Pengarah SPNB</i>	20	SOROTAN ACARA
07	PAPARAN UTAMA <i>Isu-isu Penyelenggaraan Hartanah</i>		
12	SEGMENT <i>Penjenamaan Semula</i>		
16	PANDANGAN <i>Meninjau Bahagian Pengurusan dan Khidmat Sokongan</i>		

SIDANG EDITOR

Diterbitkan

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT SYARIKAT PERUMAHAN NEGARA BERHAD

Tingkat 8, Wisma Perkeso, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

☎ 1300-80-3838 ☎ +603-2681 0170

Penerbitan dan Konsep

AMG HOLDINGS INTERNATIONAL SDN. BHD. (356247-V)

10-3A, Jalan PJU 8/3, Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

☎ +603-7729 4886 ☎ +603-7729 4887

Kini kita sudah sampai ke pertengahan tahun 2015, dan saya berasa sangat teruja untuk melaporkan bahawa SPNB telah berkembang maju. Bagi memastikan pengukuhan operasi yang lebih efisien dan berdaya saing, kita sekarang berada dalam proses menganalisis aliran kerja. Pengurusan SPNB sesungguhnya sangat komited untuk menyumbang yang terbaik demi perkembangan SPNB, pemantapan organisasi serta kesejahteraan warga kerja SPNB.

Seperti mana-mana organisasi, SPNB telah melalui pelbagai cabaran. Namun begitu, kita tetap berdiri teguh dan kita akan terus mengorak langkah. Kekangan situasi yang kita hadapi sebelum ini berjaya kita atasi, terima kasih kepada usaha semua untuk menstabilkan status kewangan. Dengan ini, saya yakin kita akan terus dapat mengharungi segala cabaran yang berkemungkinan dihadapi pada masa hadapan.

Bagi terus memantapkan struktur organisasi, pihak pengurusan SPNB telah menggariskan beberapa langkah-langkah proaktif dengan melakukan perubahan yang spesifik bagi menyelaraskan prinsip kita supaya selari dengan kedudukan kewangan semasa, di samping mengawal dan menyelesaikan situasi yang boleh membantutkan prestasi SPNB. Langkah-langkah ini akan terus dilaksanakan bagi mencapai prestasi kewangan yang kita boleh banggakan, meyakinkan dan konsisten.

Untuk merealisasikan ini, kita perlukan sokongan padu dari seluruh warga kerja SPNB. Maka dengan ini, marilah kita seluruh keluarga SPNB, dari syarikat induk kepada subsidiari-subsidiari, berganding bahu bagi memastikan SPNB kekal sebagai peneraju pembangunan rumah mampu milik di Malaysia. Insyaallah, dengan berkat doa semua dan tekad yang jitu, kita akan menuju ke arah kecemerlangan.

Sebagai penutup, izinkan saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua warga SPNB dan juga para pembaca **SPNB 360°**.

YBhg Dato' Dr Sr Kamarul Rashdan Salleh
Presiden/Pengarah Urusan SPNB



“SPNB sememangnya
sadar dan prihatin
akan keadaan dan
kesejahteraan warga
kerja serta kedudukan
kewangan syarikat.”



“Kita sebagai warga SPNB haruslah mempamerkan sikap yang professional, bukan sahaja untuk kebaikan diri tetapi juga untuk kebaikan syarikat.”

Saya berasa bersyukur dengan terbitan isu pertama **SPNB 360°** bagi tahun 2015, di mana kandungannya turut meliputi isu penyelenggaraan yang dihadapi oleh pembangunan berstrata. Sebagai pemaju yang bertanggungjawab, SPNB tidak mengambil ringan akan hal ini, dan pihak pengurusan akan membantu pemilik untuk menyelesaikan masalah ini.

Kami di SPNB memandang isu ini dengan serius dan maka dengan itu, kami sentiasa memastikan bahagian penyelenggaraan memberi respon yang pantas. Saya sangat bangga untuk berkongsi bahawa kita mempunyai rekod yang sangat baik selama ini.

Berbicara tentang penyelenggaraan, saya ingin menyentuh tentang satu lagi jenis ‘penyelenggaraan’ yang bermanfaat untuk semua – penyelenggaraan sikap. Untuk mencapai kejayaan, sesebuah syarikat mestilah mempunyai warga kerja yang berupaya untuk membawa syarikat ke arah kecemerlangan. Begitu juga dengan SPNB.

Sebagai warga SPNB, kita seharusnya mempamerkan sikap professional bukan sahaja untuk kebaikan diri tetapi juga untuk kebaikan syarikat, pemegang saham dan seterusnya para pelanggan iaitu rakyat Malaysia.

Di kesempatan ini, saya ingin menyeru seluruh warga kerja untuk bermuhasabah diri bagi mengubah sikap ke arah yang lebih baik. Kita seharusnya menjadi warga kerja yang bertanggungjawab dan boleh dipercayai bagi memenuhi mandat yang telah diberi oleh kerajaan Malaysia iaitu untuk menjadi pemaju terunggul negara. Jadi marilah kita pikul tanggungjawab ini dan lakukan yang terbaik!

Akhir kata, ingin saya mengucapkan *Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin* kepada seluruh warga kerja SPNB.

**YBhg Dato’ Nurulhidayah Binti
Dato’ Seri Dr Ahmad Zahid**
Ketua Bahagian Komunikasi Korporat

MENGEMUDI SPNB

Lembaga Pengarah SPNB



Antara fungsi utama Ahli Lembaga Pengarah adalah memastikan bahawa syarikat Menteri Kewangan diPerbadankan(MKD) beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi, pelan perniagaan (business plan) yang mantap, dan rangka kerja tadbir urus yang berkesan. **SPNB 360[®]** berbicara dengan YB Datuk Dr Hj Abdul Latiff Ahmad, Pengerusi SPNB bagi mendapatkan pandangan beliau berkenaan peranan dan fungsi lembaga pengarah dalam merealisasikan mandat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Sejajar dengan Objektif Perumahan Negara, SPNB ditubuhkan pada tahun 1997 sebagai subsidiari milik penuh MKD dengan misi untuk membangunkan perumahan mampu milik bagi rakyat Malaysia. Menurut Datuk Dr Hj Abdul Latiff, lembaga pengarah memegang kedudukan yang sangat penting dalam syarikat ini. “SPNB mempunyai pemegang saham dan pihak-pihak berkepentingan, khususnya Kementerian Kewangan (Diperbadankan) yang merupakan badan korporat yang memantau. Di sini kita dapat lihat aliran pengurusan yang jelas dari MKD, Kementerian Kewangan, Menteri Kewangan, lembaga pengarah dan akhir sekali pengurusan tertinggi.

Beliau kemudiannya menambah bahawa terdapat Memorandum dan Artikel (Tatawujud & Tataurusan Persatuan), yang membentuk perlembagaan syarikat ini dan mengawasi Lembaga Pengarah, bagi memastikan kepentingan syarikat terjaga. Beliau turut mendefinisikan peranan-peranan lembaga pengarah, dan menyatakan bahawa walaupun lembaga pengarah memiliki kuasa eksekutif, mereka masih bertanggungjawab kepada para pemegang saham.

“ Ahli-Ahli lembaga pengarah akan silih berganti, tetapi jika mereka meninggalkan legasi piawaian prosedur operasi dan tadbir urus korporat yang sesuai, maka sesiapa yang mengambil tempat mereka pada waktu akan datang akan mempunyai gambaran kasar tentang cara mengendalikan syarikat ini. ”

– YB Datuk Dr Hj Abdul Latiff Ahmad
Pengerusi SPNB

Seperti yang dijelaskan oleh Datuk Dr Hj Abdul Latiff, Lembaga Pengarah memastikan SPNB berada di landasan yang betul lantas menjadi pihak tengah di antara pengurusan atasan dan pemegang saham. Walaupun lembaga pengarah mempunyai pangaruh yang agak banyak, terdapat juga sistem-sistem yang diguna pakai untuk memastikan segalanya berjalan lancar.

Ahli-ahli lembaga pengarah terdiri daripada pelbagai latar belakang, antaranya perundingan kewangan, undang-undang korporat mahupun politik seperti bidang yang diceburi Datuk Dr Hj Abdul Latiff. Menurut beliau, kepelbagaian ini memberi keseimbangan kepada lembaga pengarah untuk berfungsi dengan baik. Selain itu, terdapat beberapa jawatankuasa yang bertanggungjawab terhadap renumerasi, integriti, audit dan kewangan, yang mengawasi lembaga pengarah. Setiap jawatankuasa ini berfungsi secara bebas dan turut mengadakan mesyuarat-mesyuarat sendiri.

Membina Kecemerlangan

Meskipun terdapat sedikit perubahan pada misi SPNB dari semasa ke semasa, syarikat ini tetap meneruskan kewajipan sosial mereka. Sebagai contoh, misi SPNB yang terbaru di bawah Rancangan Malaysia ke-11 adalah untuk memberi tumpuan kepada

pembangunan ‘Perumahan B40’ yang mensasarkan golongan berpendapatan bawah RM3000 sebulan. Oleh itu, adalah sangat penting bagi syarikat untuk bertindak secara cermat untuk menjana pendapatan memandangkan jumlah unit yang dijual di bawah harga pasaran adalah tinggi.

Disinilah lembaga pengarah mula memainkan peranan bagi memastikan syarikat tidak terpesong dari fokus yang sebenar apabila perancangan dilaksanakan. “Sekiranya anda mempunyai objektif dan hala tuju yang jelas, tetapi ianya dilaksanakan oleh golongan yang tidak berkebolehan, maka ianya tidak akan menjadi kenyataan,” demikianlah perkongsian Datuk Dr Hj Abdul Latiff yang turut menambah bahawa SPNB perlu menjadi lebih efisien, mengamalkan tadbir urus, bijak mengurangkan risiko dan belajar dari pengalaman lalu.

Lembaga pengarah menentukan polisi, panduan dan undang-undang berkaitan tadbir urus yang harus dipatuhi oleh pihak pengurusan tertinggi dalam membuat keputusan. Ringkasnya, lembaga pengarah memantau pihak pengurusan - supaya tidak terpesong dari landasan, jika tidak lembaga pengarah akan mula masuk campur. Seperti yang diperkatakan Datuk Dr Hj Abdul Latiff, perkongsian kuasa harus dilaksanakan supaya syarikat menjadi lebih progresif.

Di samping itu, Datuk Dr Hj Abdul Latiff percaya akan kepentingan mengasah bakat, menggalakkan perkembangan kerjaya dan membangunkan kesemua kakitangan syarikat yang jumlahnya hampir mencecah 550 orang secara keseluruhan, dalam usaha untuk melahirkan kakitangan bertaraf global. Kebanyakan kakitangan, yang sebahagian dari mereka telah bersama syarikat selama lebih 17 tahun, kebanyakannya berusia 40 tahun ke bawah. Beliau meluahkan hasrat supaya kakitangan-kakitangan ini akan melibatkan diri dalam pengurusan tertinggi pada masa akan datang.



ISU-ISU PENYELENGGARAAN HARTANAH

Penyelenggaraan disenaraikan sebagai antara kebimbangan utama pemilik rumah yang berkaitan dengan hartanahnya. Adalah wajar isu-isu berkenaan ditangani bagi memastikan keadaan rumah bebas daripada kecacatan, memberi jaminan kepada penghuninya bahawa strukturnya selamat untuk diduduki. Di sini **SPNB 360°** melihat pada beberapa masalah umum yang sering berlaku selepas selesai kerja pembinaan.

KERETAKAN DINDING

Keretakan di dinding boleh disebabkan oleh banyak faktor, tetapi selalunya ia berlaku kerana pelebaran dan pengecutan yang diakibatkan oleh elemen alam sekitar seperti perubahan dalam kelembapan dan suhu, atau daripada kedudukan tanah. Ia juga mungkin disebabkan oleh kestabilan rangka bumbung dan komponen struktur yang lain. Bagaimanapun, keretakan yang berlaku di dinding tidak selalunya bererti bahawa struktur bangunan itu terjejas.



Keretakan di dinding yang berukuran di bawah 2-3mm lebar tidak menimbulkan kebimbangan dari segi struktur dan boleh diabaikan. Kerosakan itu boleh ditutup dengan melakukan pembaikan kosmetik. Keretakan besar, bagaimanapun, perlu dibuat penilaian oleh jurutera struktur dan diambil tindakan selepas itu.



KERETAKAN LANTAI

Sebagaimana dinding, keretakan di lantai juga boleh disebabkan oleh beberapa faktor, seperti terpaksa menahan berat melebihi reka bentuknya, penggunaan bahan binaan bermutu rendah, pergerakan tanah atau reka bentuk yang kurang baik. Bergantung pada keadaannya, keretakan pada lantai boleh menimbulkan risiko besar kepada keselamatan penghuninya memandangkan ia adalah elemen yang ada kaitan dengan struktur.

Keretakan kecil yang tidak menimbulkan risiko pada struktur boleh diatasi dengan melakukan pembaikan biasa. Namun sekiranya keretakan itu besar; berukuran melebihi 3mm dan berlaku secara berterusan, satu analisis mengenai kerosakan itu harus dilakukan oleh profesional bagi menentukan langkah terbaik yang perlu diambil untuk mengatasinya.



KEBOCORAN BUMBUNG


Bumbung yang tidak lagi kalis air boleh memeningkan kepala kerana kesukaran untuk mencari punca kebocoran tersebut. Selalunya ia hanya ketara ketika hujan lebat, mengakibatkan wujud tompokan air di siling ataupun air yang melata di dinding. Suspek utama adalah jubin bumbung yang tersalah letak, rosak atau hilang menyebabkan wujud jurang yang membolehkan air hujan mengalir melaluinya.

Sebaik sahaja punca keretakan diketahui, kerja pembaikan boleh dilakukan dengan menggantikan jubin bumbung dan di mana yang diperlukan bagi mewujudkan permukaan kalis air. Sekiranya kerosakan lebih teruk dikenal pasti ketika pemeriksaan dilakukan, seperti kerosakan pada tiang kayu, kerja pembaikan tambahan perlu dilakukan sebagai langkah pencegahan.

LONGKANG TERSUMBAT

Longkang tersumbat berpunca daripada pengumpulan benda asing yang mengakibatkan halangan dalam sistem. Andainya longkang itu terletak di bawah tanah, adalah lebih sukar untuk mencari punca kenapa ia tersumbat. Saluran bawah tanah lebih terdedah kepada gangguan seperti pergerakan tanah dan akar pokok, yang boleh menjejaskan sistem perparitan. Pengaliran air di bawah tanah juga boleh tersumbat akibat bebanan daripada struktur di atasnya, walaupun keadaan sedemikian jarang berlaku.

Sekiranya halangan adalah berhampiran permukaan, ia boleh dihuraikan dengan menggunakan besi atau peralatan khas ataupun pancutan air yang kuat. Kerja mengorek mungkin diperlukan bagi mencapai tempat tersumbat yang lebih dalam di mana pembersihan, pengalihan dan penggantian dapat dilakukan mengikut keperluan.



PENYELENGGARAAN LANJUTAN

Selain memperbaiki kecacatan, tanggungjawab Unit Urus Harta juga meliputi penjagaan sebarang kemudahan dan kawasan yang boleh diakses oleh penghuni seperti tangga, lif, pusat pengutipan sampah, kawasan rekreasi, tempat parkir dan laluan masuk. Kami berbicara bersama Tan Ban Poh, Timbalan Presiden di VPC Alliance – yang menawarkan khidmat penilaian hartanah, konsultansi, penilaian projek dan pengurusan, dan Mohammad Zahari Yahya, Ketua Unit Urus Harta Seksyen Tanah di SPNB untuk memahami lebih lanjut tentang hal-hal penyelenggaraan hartanah.

Boleh ceritakan kepada kami apakah yang dimaksudkan dengan penyelenggaraan apabila melibatkan hartanah?

Penyelenggaraan boleh dibahagikan kepada dua kategori. Yang pertama ialah penyelenggaraan cegah dan penyelenggaraan ad-hoc. Penyelenggaraan cegah dilaksanakan secara berjadual mengikut kontrak, tidak kiralah bulanan, dua kali setahun atau sekali setahun. Penyelenggaraan jenis ini meliputi lif, pam air dan perkakas elektrik dan mekanikal seperti kotak fius bagi memastikannya berfungsi dengan baik dan menepati piawaian pihak pengurusan bangunan.

Penyelenggaraan ad-hoc pula merupakan kerja-kerja pembaikan semula yang dijalankan apabila sesebuah peralatan gagal berfungsi atau sudah terlampau lama digunakan. Contoh termasuklah kamera CCTV dan pemasangan lampu. Ini biasanya diperiksa oleh unit penyelenggaraan dan ditukar apabila perlu.

Kebiasaannya, bagi tujuan penyelenggaraan, bajet dirancang dengan mengambil kira kos dan jumlah kekerapan. Sebagai contoh, pembersihan tangki air melibatkan kos sebanyak RM5,000 dan ianya dicadangkan untuk dilakukan sekali setahun. Sudah memang jelas, dengan bajet yang bersesuaian dan penggunaan yang baik, maka lebih mudahlah kerja-kerja penyelenggaraan.



Tan Ban Poh
Timbalan Presiden di VPC Alliance

Pada pendapat anda, apakah aspek penyelenggaraan yang paling mencabar?

Pada pandangan saya, salah satu aspek mencabar tentang penyelenggaraan adalah ketidakseimbangan jumlah yuran penyelenggaraan yang dikutip, dan kos penyelenggaraan itu sendiri. Terdapat banyak situasi di mana tidak terdapat dana yang cukup untuk menampung kos penyelenggaraan yang diperlukan. Ini sangat tepat terutamanya bagi hartanah bertingkat disebabkan oleh kos penyelenggaraan yang semakin meningkat dan juga cara pemikiran sesetengah penduduk yang sering mempersoalkan kepentingan yuran penyelenggaraan.

Iniseterusnya membawakan kepada situasi di mana aspek penjagaan bangunan yang kurang penting seperti mengecat dinding bangunan setiap lima tahun misalnya terpaksa diabaikan demi memberi laluan kepada kerja-kerja penyelenggaraan yang lebih penting seperti penyelenggaraan lif.

Penyedia perkhidmatan yang menyediakan sumber tenaga kerja seperti pekerja teknikal dan pengawal keselamatan juga berbeza mengikut kos. Maka sekiranya tenaga kerja yang lebih murah digunakan disebabkan oleh bajet yang terhad, maka bukanlah sesuatu yang mengejutkan apabila kualiti perkhidmatan juga rendah. Ini seterusnya boleh menimbulkan masalah di masa hadapan.

Apakah kepentingan penyelenggaraan?

Selain dari menjamin keselamatan para residen, penyelenggaraan juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan nilai hartanah. Bangunan yang terurus rapi pasti menarik ramai pembeli dan penyewa lantas menaikkan harga unit residen. Pengurusan bangunan juga boleh dipertingkatkan supaya turut meliputi penambahbaikan kemudahan sedia ada dan seterusnya membantu meningkatkan nilai hartanah.



*Mohammad Zahari Yahya
Ketua Unit Tanah & Urusharta di SPNB*

Boleh anda berkongsi dengan kami tentang aspek dan kawasan hartanah yang biasanya memerlukan penyelenggaraan?

Terdapat dua jenis hartanah SPNB – jenis *landed* seperti rumah teres, bunglo, semi-D dan jenis bertingkat seperti pangsapuri, kondominium dan apartment. Kerja-kerja pengurusan penyelenggaraan di hartanah jenis *landed* melibatkan pengutipan sampah, pembersihan longkang dan pemotongan rumput dan biasanya dilakukan oleh pemaju sehingga diambil alih oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang biasanya dalam tiga hingga enam bulan setelah siap projek.

Memandangkan tanggungjawab PBT tidak melepasi pagar utama hartanah bertingkat, maka tanggungjawab penjagaan dan penyelenggaraan jatuh ke atas bahu pihak pemaju. Tanggungjawabnya meliputi penjagaan kebersihan kawasan bersama seperti koridor, tangga, lobi disamping memastikan perkakasan elektrikan dan mekanikal seperti lif, gen-set dan pam air berfungsi dengan baik. Semua elemen yang melibatkan penggunaan bersama menjadi tanggungjawab pemaju untuk menyelenggarakannya.

Apakah isu-isu paling lazim di projek-projek residen dan bagaimanakah SPNB menyelesaikan isu-isu ini?

Isu-isu yang sering berlaku di hartanah bertingkat adalah masalah lif rosak, kebocoran pam air dan masalah sampah-sarap yang berlonggokan. Bagi mengatasi kekangan ini, SPNB melantik kontraktor untuk melaksanakan pemeriksaan

berjadual dan kerja penyeleggaraan untuk lif dan pam air. Bagi mengatasi masalah sampah-sarap yang berlonggokan, tong sampah tambahan akan disediakan dan pengutipan sampah akan dijalankan dengan lebih kerap.

Boleh anda jelaskan cabaran-cabaran yang berkaitan berkenaan penyeleggaraan dan apakah langkah yang SPNB lakukan untuk menyelesaikannya?

Salah satu kekangan utama yang kami hadapi adalah masalah dana. Jika tiada wang untuk penyeleggaraan, maka sukar untuk kita melaksanakan tugas dengan baik dan berkesan. Tindakan yang biasa diambil adalah dengan mengeluarkan notis kepada penduduk yang tidak membayar yuran penyeleggaraan. Bagi mereka yang sering mengelak pembayaran, kita tidak mempunyai pilihan dan mengambil tindakan memutuskan bekalan air ataupun mengambil tindakan undang-undang. Tetapi pengambilan tindakan agak jarang dilakukan. Ini kerana kita selalunya cuba berunding dengan mereka yang mempunyai masalah kewangan untuk jalan penyelesaian yang memuaskan kedua-dua belah pihak.

Apakah undang-undang yang mengawal dan menyelia tanggungjawab penyelenggaraan di antara pihak residen dan pemaju?

Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 633) telah diperkenalkan dimana wujudnya konsep Joint Management Body (JMB) yang diperkenalkan untuk menggalakkan kerjasama antara residen dan pihak pemaju. Kini Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) telah digubal dan diwartakan namun penguatkuasaannya tertakluk kepada kerajaan negeri. Serupa dengan Akta 633, Akta 757 menyatakan bahawa sesebuah Management Corporation (MC) akan ditubuhkan serentak dengan penyerahan kunci, dan ianya terdiri daripada residen sahaja.


Bolehkah anda jelaskan apakah peranan utama sebuah Property Management Company (PMC)?

PMC mempunyai peranan yang sama seperti pihak pemaju, mereka merupakan syarikat yang dilantik oleh pemaju untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan. Syarikat-syarikat ini haruslah berdaftar dengan SPNB dan Lembaga Penilai dan bertanggungjawab untuk menjalankan rutin penyelenggaraan dan mengutip yuran penyelenggaraan dari semua residen. SPNB akan menyelia PMC bagi memastikan mereka menjalankan tugas berdasarkan standard yang sewajarnya.

KEBOCORAN PAIP

Satu lagi isu yang boleh menimbulkan masalah besar kepada pemilik rumah adalah kebocoran paip, di mana kebocoran yang tidak diperiksa boleh mengakibatkan bil air yang tinggi. Jika kebocoran itu berada di bahagian luar dan boleh dilihat, ia boleh dibaiki dengan mudah, tetapi lebih sukar untuk mencari puncanya atau melakukan kerja pembaikan jika ia tersembunyi di sebalik dinding atau di bawah tanah. Punca kebocoran boleh disebabkan oleh pemasangan tidak betul, kemerosotan dan kegagalan komponen paip atau pergerakan tanah yang menanggalkan penyambungannya.

Bagi sistem perparitan bawah tanah yang tersumbat, kebocoran paip di bawah permukaan memerlukan kerja yang banyak bagi membaikinya. Perkara yang sama dapat dikatakan bagi kebocoran yang berlaku daripada rangkaian paip di dalam dinding, di mana jika perlu, konkrit dan batunya terpaksa dipecahkan untuk mencari tempat yang bocor sebelum memutuskan tindakan lanjut yang terbaik bagi kerja pembaikan.



SAMBUNGAN ELEKTRIKAL TIDAK BERFUNGSI

Isu-isu elektrik meliputi perkara sekecil-kecilnya seperti soket yang tidak berfungsi sehingga sesuatu yang besar dan berpotensi berbahaya seperti pintasan litar. Pemasangan tidak sempurna, penyalahgunaan tolok wayar atau penebat yang pecah adalah punca biasa pintasan litar. Jika kerosakan itu menjejaskan litar yang penting, kerja pembaikan mesti dilakukan segera bagi menjaga keselamatan penduduk.

Kebanyakan perkakas di rumah mempunyai sistem keselamatan elektrik yang sudah siap dipasang, yang memutuskan bekalan apabila berlaku aliran elektrik luar biasa bagi mengelakkan kecairan kabel, bahkan kebakaran. Sebaik sahaja litar yang bermasalah itu ditebat, tugas untuk melakukan kerja pembaikan terletak di tangan juruelektik berkelayakan untuk menilai dan membaiki kerosakan, dan melakukan pemeriksaan seterusnya bagi mencari masalah lain dalam sistem berkenaan.

Setiap bangunan sentiasa memerlukan penyelenggaraan kerana struktur dan kelengkapannya turut meningkat dari segi usia mengikut masa dan memerlukan perhatian serta pembaikan bagi memastikan segala-galanya berada dalam keadaan baik. Walaupun pemilik rumah harus memahami peranan mereka dalam menjaga hartanah, mereka sudah tentunya gembira untuk mengetahui bahawa pemaju yang bertanggungjawab – seperti SPNB – juga sentiasa berusaha untuk mengekalkan mutu yang tinggi ketika melakukan kerja pembinaan yang memberi jaminan yang dikehendaki oleh pemilik rumah.

SPNB ASPIRASI

Penjenamaan Semula

SPNB Aspirasi yang merupakan subsidiari baharu SPNB secara rasminya memulakan operasi pada Mei 2014. Bertanggungjawab mengambil alih Program Rumah Mampu Milik (RMM), syarikat ini ditugaskan untuk memastikan projek perumahan RMM siap dibina. Dalam usaha untuk meninjau peluang baharu, syarikat ini bermatlamat untuk melaksanakan penjenamaan semula dan membina imej sebagai pemaju perumahan komersil di bawah konsep 'Rumah Aspirasi Rakyat'.



Menerokai Usaha Niaga Baharu

Aspirasi bererti cita-cita dan kehendak yang kuat dan ini sememangnya menepati projek-projek baharu SPNB Aspirasi. Sejak mengambil alih projek RMM, SPNB Aspirasi sering dikaitkan dengan kediaman mampu milik semata-mata. Tetapi kini, syarikat ini berhasrat untuk menangkis imej lama sebagai pemaju perumahan 'mampu milik atau berkos rendah' dan fokus kepada imej baharu sebagai pemaju perumahan komersil.

SPNB Aspirasi yang telah berjaya menyiapkan beberapa projek perumahan mampu milik di beberapa buah negeri termasuklah Pahang, Kelantan dan Johor kini sedang memperkenalkan projek-projek baharu yang turut melibatkan pembangunan perumahan komersil. Dengan projek-projek baharu ini, syarikat ini sememangnya berada di landasan yang sewajarnya dalam usaha untuk menyatukan imej sebagai pemaju perumahan komersil di samping mengukuhkan kedudukan pasaran dan menjadi lebih berdaya saing.



“Sebagai subsidiari, kami berharap dapat memaksimumkan keuntungan supaya SPNB dapat terus melaksanakan dan memenuhi tanggungjawab korporat sosial mereka.”

– Hisham Ahmad
Pengurus Besar dan
Ketua Bahagian Operasi SPNB Aspirasi

Hisham Ahmad, Pengurus Besar dan Ketua Bahagian Operasi SPNB Aspirasi menjelaskan, “Kami ingin mengubah persepsi masyarakat mengenai produk yang kami tawarkan. Projek-projek baharu Aspirasi mensasarkan bakal pemilik rumah yang menginginkan kediaman yang bukan sahaja berkualiti dan mampan tetapi juga berpatutan.” Syarikat ini akan menyediakan pelbagai pilihan yang meliputi hartanah bertanah dan bertingkat, termasuklah pangsapuri servis, kediaman jenis Soho dan lot kedai. “Dengan projek-projek pembangunan hartanah bertingkat di Cyberjaya, Ampang dan Setapak yang bakal bermula, kami berharap syarikat ini dapat terus mengorak langkah dan kekal maju.”

Ei8theen@Cyberjaya - Mesra Alam

Ei8theen–Cyberjaya – perintis projek-projek akan datang di mana pembangunan komersil bersepadu juga merupakan sebahagian daripada usaha pembangunan bertingkat SPNB Aspirasi di Lembah Klang. Projek ini merupakan usahasama SPNB bersama Sterling Prima S/B, iaitu anak syarikat pemaju hartanah ternama, MK Land Holdings Berhad.

Terletak di tengah-tengah Koridor Raya Multimedia, kawasan perumahan tersebut disasarkan kepada pembeli kali pertama dan keluarga muda. Cyberjaya, yang telah memenangi pingat gangsa bagi Anugerah Antarabangsa Untuk Komuniti Sesuai Didiami sewaktu Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNEP) pada tahun 2013, telah dipilih sebagai tapak residen disebabkan oleh potensinya yang memberangsangkan. “Sebagai sebuah bandar yang bersepadu, Cyberjaya merupakan perintis hab teknologi dan juga tapak kepada lebih 800 syarikat di mana 40 daripadanya ialah syarikat global dan multinasional. Cyberjaya juga mudah diakses melalui lebuh raya seperti Maju Expressway (MEX), Lebuh raya Damansara Puchong (LDP) dan Lebuh raya Kajang SILK. Ei8theen@Cyberjaya adalah pilihan yang wajar sekiranya anda merancang untuk membeli sebuah kediaman, sama ada untuk tujuan kegunaan sendiri mahupun pelaburan,” menurut Hisham Ahmad.

Unit pangsapuri mempunyai 900 kaki persegi dan boleh dibeli dengan harga dari RM418,000. Terdiri daripada tiga bilik tidur dan dua bilik mandi, setiap unit dilengkapi pemanas air, kabinet dapur dan hud pengudaraan. Penduduk juga berpeluang menikmati WIFI percuma selama dua tahun dan menerima gril pintu hadapan percuma serta dua ruang parkir bagi setiap unit, di samping kemudahan club-house seperti gimnasium dan kolam renang. Sistem keselamatan bersepadu yang melindungi kawasan parkir, blok dan unit bagi menjamin keselamatan penduduk juga disediakan. SPNB yang berdedikasi untuk melaksanakan tanggungjawab sosial mereka juga turut menyediakan unit kediaman untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Seiring dengan moto SPNB ‘Green Living in the City’, projek pembangunan dilaksanakan di kawasan perumahan seluas empat hektar yang dilengkapi laluan basikal dan taman permainan. Hisham Ahmad juga mendedahkan bahawa Ei8theen@Cyberjaya terletak bersebelahan projek residen MasReca Nineteen Apartments dan lot pejabat serta deretan kedai dua tingkat dengan harga yang berpatutan. Selain itu, pembinaan kemudahan lain termasuklah masjid,

pasar dan pusat dialisis juga dalam perancangan. “SPNB Aspirasi yakin bahawa projek ini yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan serta menggalakkan gaya hidup mampan dan harmoni akan menarik pasaran keluarga muda,” tambahnya.

Dijangka siap pada suku ketiga tahun 2018, projek kediaman bertingkat ini kini telah dibuka untuk pendaftaran dalam laman web SPNB Aspirasi. Usaha pengiklanan seperti penyebaran brosur dari pintu ke pintu dan pameran di acara ekspo juga telah dilaksanakan. Pembukaan galeri pameran juga sedang dalam pelaksanaan.

Bawah: Kemudahan “Club House” di Ei8theen@Cyberjaya





Syarikat yang Berbeza

SPNB yang telah wujud sejak 1997 dan membina lebih dari 15,000 buah rumah memberi jaminan kepada pelanggan bahawa SPNB Aspirasi akan mengotakan janji mereka untuk menawarkan kualiti yang terbaik dan boleh dipercayai. Pelanggan tidak perlu khuatir akan faktor harga kerana syarikat ini akan mengambil kira kehendak pelanggan dalam menentukan harga, seperti yang boleh dilihat melalui harga-harga yang dikenakan, di mana semuanya berada di bawah harga pasaran.

SPNB Aspirasi berharap dapat menerajui pembangunan hartanah yang harmoni dan menggalakkan gaya hidup hijau serta persekitaran yang kondusif untuk keluarga. Di samping itu, syarikat ini juga ingin mewujudkan konsep hidup bermasyarakat di mana para penduduk boleh saling berinteraksi dan mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti komuniti. “Misi kami adalah untuk memberi tambah nilai yang menepati kehendak pelanggan kepada hartanah supaya pembeli kediaman berpuas hati dan bangga akan pemilihan kediaman mereka,” kata Hisham Ahmad.

Pemilikan kediaman adalah aspek penting bagi rakyat memandangkan sektor pembangunan dan hartanah merupakan tulang belakang ekonomi negara. Oleh itu, SPNB Aspirasi merancang untuk terus menginovasikan produk demi menawarkan nilai kepada pemilik rumah dan komuniti melalui pembangunan projek SPNB Aspirasi.

MENYEDIKAN PERKHIDMATAN MENINJAU BAHAGIAN PENGURUSAN DAN KHIDMAT SOKONGAN

SPNB mempayungi pelbagai organisasi dan cawangan dan antaranya adalah Bahagian Pengurusan dan Khidmat Sokongan. **SPNB 360°** berbicara bersama Ketua Bahagian, Azhar Rizlan untuk memahami peranan dan tanggungjawab serta perkhidmatan yang ditawarkan dengan lebih lanjut.

Empat unit perkhidmatan iaitu; teknologi maklumat, kemudahan, kualiti serta tender dan perolehan berada di bawah kawalselia Bahagian Pengurusan dan Khidmat Sokongan SPNB. Menurut Azhar Rizlan, bahagian ini menyediakan perkhidmatan yang meliputi unit-unit tersebut, terutamanya teknologi maklumat, kemudahan dan kualiti bagi setiap organisasi di bawah SPNB.

Saluran Utama

“Sekalipun SPNB mempunyai pelbagai organisasi dibawahnya, kami tetap menekankan kepentingan perkongsian kemudahan dan pengurangan kos. Adalah tidak wajar untuk kita membina kemudahan yang serupa secara berulang kali,” kata beliau lagi. Bahagian ini juga berhasrat untuk melahirkan serta mengekalkan kualiti yang standard meliputi kesemua organisasi di bawah syarikat SPNB.

Namun begitu, tanggungjawab bahagian ini sudah tentunya tidak terlepas dari sebarang cabaran. Sebagai contoh, ia bukanlah sesuatu yang mudah untuk memastikan keseimbangan terutama dari segi standard dan bajet memandangkan setiap jabatan mempunyai keperluan yang berbeza. Azhar kemudiannya menyambung,

“Menjadi penyedia perkhidmatan untuk SPNB adalah sesuatu yang memuaskan, terutama apabila kita mengetahui bahawa kita turut berpeluang menyumbang kepada pembangunan perumahan mampu milik untuk masyarakat.”

– Encik Azhar Rizlan

Ketua Bahagian Pengurusan dan Khidmat Sokongan



Antara perkhidmatan yang disediakan oleh Bahagian Pengurusan dan Khidmat Sokongan ialah tender dan sebut harga.



“Untuk aspek kemudahan contohnya, kita melaksanakan pembelian bahan secara pukal untuk kesemua organisasi, maka dengan itu kita selalunya mengalami masalah permintaan standard yang berbeza-beza. Sebagai saluran pembeli utama, kita perlu memikirkan suatu standard bahan yang umum untuk semua.”

Selain itu, di bawah teknologi maklumat, terdapat sistem pengurusan kewangan bersepadu yang digunakan di SPNB, di mana Bahagian Pengurusan dan Khidmat Sokongan dipertanggungjawabkan untuk memastikan kesemua sistem berasingan yang digunakan oleh setiap organisasi dapat berkomunikasi dengan satu sama lain. Ini akan membolehkan penjana sebuah laporan umum yang boleh digunakan oleh lembaga pengarah dan pihak pengurusan.

Bahagian Pengurusan dan Khidmat Sokongan mempunyai beberapa program yang ingin dilancarkan dalam masa terdekat, misalnya pelan untuk memusatkan kesemua sistem legasi SPNB. “Sistem-sistem ini dahulunya dilaksanakan secara berasingan, dan SPNB mempunyai rancangan untuk mengintegrasikan kesemua sistem tersebut untuk mengurangkan kesulitan dan melahirkan perkhidmatan yang lebih baik,” jelas Azhar. Ini termasuklah sistem sumber manusia dan sistem perolehan.

Pengurusan SPNB juga mempunyai rancangan untuk mengguna pakai Quality Assessment System

in Construction (QLASSIC), sebuah standard penilai yang mengukur dan menilai kualiti kerja pembinaan bangunan bagi membantu SPNB untuk membina perumahan yang lebih berkualiti. Azhar yang mempunyai latar belakang kewangan juga mengambil berat akan hal kos. “Kami sedang berkira-kira untuk memperkemas proses-proses kerja supaya segala operasi boleh dilaksanakan secara lebih efisien dan secara tidak langsung menjimatkan masa dan kos. Kita cenderung untuk terlepas pandang perkara-perkara kecil terutama apabila melibatkan pembinaan yang berkos tinggi. Sekiranya kita dapat berjimat walaupun sedikit, simpanan tersebut akan terkumpul dengan lebih banyak kelak,” kata beliau lagi.

Seperti yang diperjelaskan oleh Azhar, Bahagian Pengurusan dan Khidmat Sokongan adalah antara komponen penting bagi SPNB memandangkan ianya merupakan penyedia perkhidmatan yang sangat diperlukan untuk syarikat dan subsidiari-subsidiari. Bahagian ini merapatkan subsidiari-subsidiari dan seterusnya membantu SPNB dalam menyediakan perumahan mampu milik secara efisien.

KEDIAMAN IDAMAN YANG EFISIEN DAN BERKUALITI

Dalam ruangan ini, **SPNB 360°** mengetengahkan testimoni daripada seorang pemilik rumah di bawah skim SPNB. Bagi isu kali ini, ikuti temubual bersama En Jalil Md Tahiri di Felda Sungai Sayong, Kulaijaya, Johor.



Dua tahun lepas, Encik Jalil yang ketika itu sangat tekun mencari rumah baharu membuat keputusan untuk melayari internet bagi mempertimbangkan pelbagai pilihan perumahan yang wujud tetapi mungkin tidak diketahuinya. Beliau lantas menemui laman web rasmi SPNB dan sangat tertarik dengan tawaran menarik di bawah Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia. Tanpa membuang masa, beliau terus memohon program tersebut.

Beliau kemudiannya dipanggil untuk sebuah temuduga yang bertujuan untuk mengkaji kelayakannya membeli

rumah. Syarat-syarat kelayakan adalah sangat telus dan mudah di mana beliau harus mempunyai sebuah lot tanah yang berdaftar di atas namanya, tidak disenaraihitamkan oleh mana-mana institusi kewangan dan beliau harus berpendapatan tidak lebih RM3,000 sebulan.

Rumah baharu Encik Jalil dibina di Felda Sungai Sayong berhampiran Kulaijaya, Johor memandangkan beliau memiliki sebuah lot tanah di kawasan itu juga. Rumah baharu beliau tidak dibangunkan secara ala kadar semata-mata tetapi dibangunkan dengan menggunakan Sistem Binaan Berindustri (IBS), sebuah konsep pembinaan



Muka surat sebelah: Didirikan di atas lot tanah kepunyaan Encik Jalil sendiri di Felda Sungai Sayong, Johor, rumah ini mempunyai keluasan tapak berukuran 1,000 kaki persegi.

Atas: Walaupun dibina dalam masa yang singkat dan dengan kos yang rendah, En Jalil berasa sangat berpuas hati dengan rumahnya yang diungkapkannya sebagai mempunyai konsep gaya moden.

pasang siap di mana komponen struktur pembinaan dihasilkan di kilang dan kemudiannya barulah dipasang di tapak pembinaan.

Kaedah ini dapat membantu mempercepatkan tempoh pembinaan dan produktiviti. Dalam kes beliau, rumah baharunya hanya memakan masa sepuluh hari untuk siap berbanding kaedah konvensional yang memerlukan sekurang-kurangnya dua bulan. Walaupun proses pembinaan ini dipercepatkan, namun beliau diyakinkan oleh pemaju bahawa ianya tidak akan menjejaskan kualiti rumah IBS beliau. “Kontraktor memaklumkan bahawa rumah ini berupaya untuk kekal bertahan selama sekurang-kurangnya 50 tahun.”

Walaupun kos pada mulanya hanya RM65,000 pada ketika itu, beliau tetap gembira menerima khabar berita bahawa kerajaan akan memberi subsidi sebanyak RM20,000, lantas mengurangkan jumlah kos kepada RM45,000. Lebih menggembirakan lagi apabila pinjamannya yang tempohnya ialah selama 26 tahun adalah bebas faedah. Maka, beliau hanya perlu membuat bayaran sebanyak

“ Saya merasakan bahawa golongan berpendapatan rendah harus diberi peluang untuk memiliki rumah dan dengan skim pemilikan rumah yang mudah seperti ini, saya percaya pasti ramai yang dapat memiliki rumah sendiri. ”

– En Jalil Md Tahiri

RM150 sebulan. “Rumah yang setanding pasti mencecah RM100,000 kalau tidak dibeli melalui skim ini,” tambah beliau.

Walaupun ianya berkos rendah, namun ciri-ciri rumah tersebut tidak kekurangan. Selain ruang tamu dan dapur, ianya juga mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik air. Ruang interiornya juga tidak menggambarkan sebarang pengurangan kos, dengan lantai berjubin, pintu *sliding* dan siling berplasternya.

Beliau mengatakan bahawa rumah tersebut sangat luas dan selesa untuk dihuni serta boleh diduduki oleh enam orang sekaligus. Walaupun dia telah mengekalkan rumah tersebut seperti seadanya, beliau tidak menyingkirkan kemungkinan untuk mengubah suai rumah di masa hadapan. Beliau turut menambah bahawa beliau tidak begitu khuatir kerana pembinaan IBS sebenarnya memudahkan kerja-kerja pengubahsuaian.

Encik Jalil sangat gembira dengan rumah Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia ini yang telah beliau duduki selama dua tahun bersama isteri dan tiga orang anaknya. Beliau juga sangat bersyukur kerana diberi peluang untuk membeli rumah dengan harga yang sangat rendah, tanpa sebarang kesulitan sewaktu mendapatkan pinjaman dan semasa permohonan dilakukan. Beliau berharap agar dapat terus menikmati keselesaan rumah ini untuk tahun-tahun yang akan datang.



Ketua Bahagian Komunikasi Korporat SPNB YBhg Dato' Nurulhidayah (duduk, tengah) bergambar bersama pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan pelajar pascasiswazah Institut Teknologi Massachusetts (MIT) pada sesi taklimat mengenai program amali antara kedua-dua universiti tersebut.

Taklimat untuk Program Amali MIT-UTM

Satu taklimat diadakan bagi pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sempena lawatan 10 pelajar pascasiswazah Institut Teknologi Massachusetts (MIT) yang menyertai Program Amali Kemampuan Bandar Raya. Acara tersebut berlangsung di Ibu Pejabat SPNB di Kuala Lumpur pada 20 Januari. Program berkenaan melibatkan lawatan pelajar MIT ke UTM pada Januari lepas dalam rangka lawatan lima tahun, bagi menjalankan kajian berkaitan dengan pembangunan bandar raya mampan dari segi ekonomi dan ekologi.



Misi Bantuan Kemanusiaan di Pahang

Pada 21 Januari 2015, SPNB, melalui kerjasama dengan MediCare, sebuah badan bukan kerajaan, selesai menjalankan misi bantuan kemanusiaan di Pahang. Sebagai sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat mereka, SPNB membekalkan barangan keperluan seperti makanan dan pakaian di kawasan banjir di daerah Temerloh dan Jerantut.

Sukarelawan daripada SPNB dan MediCare bergambar setelah selesai mengagihkan bantuan kepada mangsa banjir di Pahang.

Acara 'Explorace' di Zoo Negara

Pada 11 April, SPNB, dengan kerjasama media tempatan, menganjurkan 'Explorace Media bersama SPNB' yang berlangsung di Zoo Negara. Pelbagai aktiviti diadakan, seperti mencari harta karun, tarian *Zumba*, dan cabutan bertuah. Acara itu bertujuan merapatkan hubungan di antara SPNB dengan agensi media tempatan.

Tempat pertama telah dimenangi oleh pasukan dari media Karangkraf, tempat kedua dimenangi oleh pasukan dari media Astro Awani, tempat ketiga dimenangi oleh pasukan dari media Bernama, tempat keempat dimenangi oleh pasukan dari Berita Harian, manakala tempat kelima dimenangi oleh pasukan dari Bahagian Pembangunan SPNB.



Atas: Peserta-peserta yang terdiri daripada warga SPNB dan media tempatan menikmati hari yang penuh dengan keseronokan ketika mengambil bahagian dalam acara tersebut.

Kanan: Para pemenang Explorace bersorak ceria sambil mempamerkan hadiah masing-masing.





Program Pembangunan di Slim River

Anak syarikat SPNB iaitu SPNB Mesra, sedang melaksanakan Rancangan Perumahan Tersusun (RPT) di Kampung Balun, Slim River. Pada 13 Mac lepas, SPNB Mesra mengadakan sesi soal jawab awam di Kampung Balun, dengan tujuan untuk memberi penerangan mengenai reka bentuk baharu dan peranan RPT yang baharu di samping menjawab persoalan daripada orang awam.

Rancangan Perumahan Tersusun bakal meningkatkan tahap kehidupan penduduk Kampung Balun di Perak.



Program 'Sungai Kita'

Sebagai sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR), SPNB menganjurkan acara membersihkan sungai di Sungai Bil, Slim River, Perak pada 19 April, yang juga dikenali sebagai 'Program Sungai Kita'. Program yang diadakan bertujuan sebagai menunjukkan semangat cintakan sungai dan alam sekitar.

Dalam satu lagi usaha menunaikan tanggungjawab sosial korporat, SPNB telah membantu membersihkan Sungai Bil di Slim River, Perak.

Perjalanan Pusat Transformasi Komuniti Bergerak

Mulai Februari hingga April tahun ini, SPNB meneruskan program Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (CTC Bergerak) dan memperluaskannya ke kawasan lain di negara ini. CTC Bergerak itu menawarkan perkhidmatan yang diperlukan seperti pemeriksaan kesihatan dan pergigian kepada penduduk di luar bandar. Ia juga bertindak sebagai kaunter penerangan bagi mereka yang berminat untuk mendapat maklumat mengenai perumahan SPNB.

Rakyat berkunjung ke Pusat Transformasi Bergerak, di mana perkhidmatan seperti pemeriksaan kesihatan disediakan.



Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Ir. Haji Idris Haji Haron (ke-empat dari kiri) berjabat tangan dengan Pengerusi SPNB YB Datuk Dr Haji Abd Latiff Ahmad di Majlis Pecah Tanah dan Pendaftaran Pemilik Rumah Idaman Rakyat yang berlangsung di Jasin, Melaka.

Majlis Pecah Tanah dan Pendaftaran RIR

Majlis pecah tanah dan pendaftaran untuk Rumah Idaman Rakyat (RIR) bagi kawasan Melaka berlangsung di tapak projek di Mukim Kesang, Jasin pada 23 Januari 2015. Majlis tersebut dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Ir. Haji Idris Haji Haron. Matlamat RIR adalah bagi menyediakan rumah mampu milik yang selesa, terutamanya untuk golongan berpendapatan rendah.



Selamat Hari Raya Aidilfitri
daripada Pengerusi, Ahli Lembaga
Pengarah dan Pengurusan SPNB

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas



SPNB

KERANA RAKYAT

Syarikat Perumahan Negara Berhad

Tingkat 8, Wisma Perkeso, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

Hotline: 1300-80-3838 | Website: www.spnb.com.my | Fax: 603 - 2681 0170

